

MASJID AL-FATH, JALAN LAGUD SEBRANG, TENOM, SABAH

23 Julai 2010 EDISI KETIGA 11 Sya'aban 1431 Hijrah

PERSIAPAN MANTAP MENYAMBUT RAMADHAN

~Bahagian 1~

Kurang dua minggu sahaja lagi, umat Islam di Malaysia akan menyambut bulan Ramadhan, bulan barakah dan ibadah. Walaupun persiapan untuk menyambut ketibaan bulan ini tidaklah kelihatan 'semeriah' menyambut Syawal, kita perlulah juga membuat persediaan menyambut Ramadhan dari sudut minda, fizikal, dan naluri dalaman manusia bagi memastikan pelaksanaan amal ibadat dalam bulan tersebut berjalan dengan penuh kefahaman dan maklumat yang tepat dan jelas.

Bagi persediaan dari sudut minda, Nabi Muhammad S.A.W ada menyebut dalam sebuah hadis [bertaraf dho'if/lemah] : *"Sesiapa yang bergembira dengan kedatangan Ramadhan, Allah S.W.T akan haramkan jasadnya daripada disentuh oleh api neraka pada Hari Kiamat."* Ia bagaikan satu berita gembira kepada Muslim agar seronok berpuasa Ramadhan.

Dari sudut persediaan fizikal pula, Muslim tidaklah dianjurkan untuk melakukan puasa sepanjang bulan Rejab, Sya'aban dan Ramadhan secara langsung tanpa berhenti, kerana tidak ada nas hadis yang menunjukkan bahawa seseorang itu digalakkan berpuasa yang kononnya sampai tahap sunat, kerana dibimbangi akan menyebabkan fizikalnya lemah dan tidak berdaya untuk melakukan puasa fardhu Ramadhan.

Sementara persediaan dari sudut naluri dalaman pula, puasa mampu menjadikan seseorang itu individu bertakwa kepada Allah S.W.T, dan ia juga adalah matlamat daripada pelaksanaan ibadat puasa seperti yang ditegaskan Allah menerusi ayat 183 surah al-Baqarah yang bermaksud: *"Wahai orang-orang yang beriman! Telah difardhukan ke atas kamu berpuasa seperti mana difardhukan ke atas orang-orang sebelum kamu, agar kamu menjadi orang-orang yang bertakwa."*

Menurut ilmu Tasawuf, persediaan paling utama ialah melakukan 'muhasabah diri' dengan memerhatikan gelagat dan tindak-tanduk diri sepanjang tahun, adakah ia benar-benar menepati tuntutan ajaran Islam atau sebaliknya mengabaikan tanggungjawab sebagai Muslim sebenar, tidak bersolat jemaah di masjid/surau, tidak komited kepada program-program agama, banyak terlibat dengan maksiat, melakukan perkara yang terlarang dan banyak lagi.

Justeru, kedatangan Ramadhan yang merupakan bulan menambah pahala dan pelbagai jenis keuntungan Akhirat melalui tadarus al-Quran, tazkirah, bersolat jemaah, melakukan amalan wajib dan sunat akan menambahkan lagi pahala untuk sampai kepada matlamat berpuasa iaitu bertakwa kepada Allah S.W.T. Menurut Sayidina Ali bin Abi Talib, takwa itu ialah takut kepada Allah, beramal dengan isi-isi al-Quran, redha dengan apa yang sedikit ada pada diri dan bersiap untuk bertemu Allah S.W.T.

~Bersambung di sebelah.

~Sambungan...

Di samping itu juga, persiapan dari sudut naluri, jiwa atau hati Muslim perlu diselesaikan segera dengan melakukan taubat yang disifatkan oleh para 'Ulama sebagai wajib dilakukan sebelum masuk Ramadhan, dengan memohon keampunan Allah S.W.T agar hati menjadi bersih suci bagi memudahkan pelaksanaan ibadat puasa dengan meraih takwa yang dituntut.

Banyak berdoa kepada Allah agar diri, pasangan hidup, anak-anak, dan kaum keluarga mampu menjalani ibadat puasa dengan penuh rasa tawadhuk dan khusyuk kepada Allah S.W.T, rasa gembira dengan kedatangan Ramadhan yang menjanjikan seribu jenis pahala yang boleh membantu seseorang Muslim itu mendapat keampunan Allah S.W.T. ***~Bersambung minggu hadapan.***

RINGKASAN ISU SEMASA

SETEMPAT

Program Motivasi SK. Paguokon

Program Motivasi Siri-2 telah diadakan pada 16-17 Julai yang lalu melibatkam pelajar Tahun 6. Program ini merupakan susulan program 'Klinik UPSR' pada bulan Mei yang lalu. Layari skpaguokon-tenom.blogspot.com untuk maklumat lanjut.

NEGERI

Karnival sempena Perasmian Wisma Wanita

Karnival ini bermula pada 17-18 Julai yang lalu sempena Perasmian Wisma Wanita oleh YABhg. Datuk Seri Panglima Rosmah binti Mansor, bertempat di Kilometer 3.5 Jalan Tuaran, Kota Kinabalu.

BOIKOT Pembinaan Loji Arang Batu

Masyarakat awam digesa agar menyatakan bantahan terhadap cadangan Kerajaan Negeri untuk membina sebuah loji Arang Batu di Kampung Sinakut, Felda Sahabat, Lahad Datu kerana banyak unsur yang tidak meyakinkan wujud dalam cadangan tersebut. Antaranya, projek akan menggunakan '*Green-clean Technology*' [Teknologi Hijau-Bersih] sedangkan ahli akademik berpendapat, tiada teknologi seperti itu buat masa ini dan masih ada alternatif lain yang boleh dilakukan bagi menyalurkan bekalan elektrik di kawasan tersebut.

AKTIVITI MASJID AL-FATH

Majlis Bacaan Surah Yaasin, Tahlil, Doa Arwah dan Doa Selamat sempena menyambut Ramadhan al-Mubarak 1431 Hijrah / 2010 Masihi pada 05 Ogos 2010, Khamis [Malam Jumaat], bermula sebelum solat Maghrib.

Gotong-royong Masjid al-Fath sempena Ramadhan al-Mubarak : 07 Ogos 2010.

Lihat papan kenyataan untuk maklumat lanjut dan makluman terkini.

.....KALAM EDITOR

Bismillahi walhamdulillah...

Assalamu'alaikum w.b.t

Alhamdulillah, bersyukur kita kepada Allah S.W.T kerana dengan Izin dan Kasih Sayang-Nya dapat kita bertemu di edisi ketiga Risalah AL-FATH ini. Semoga Jumaat kali ini bertambah baik dari hari-hari yang sebelumnya.

Bermula edisi ini, ruangan FOKUS mula menyentuh mengenai Ibadah Puasa dan bulan Ramadhan yang cukup istimewa bagi sseluruh umat Islam.

Tinggal beberapa hari sahaja lagi kita akan melalui Nisfu Sya'aban di mana pada malam tersebut [selepas masuk waktu Maghrib 14 Sya'aban], buku catatan amalan kita selama setahun telah diangkat ke langit dan digantikan dengan catatan baru. Semoga catatan di catatan baharu ini adalah amalan kebaikan yang beroleh ganjaran pahala, insya-Allah.

*Seperti biasa, jika para pembaca mempunyai idea dan cadangan yang ditujukan kepada masjid AL-Fath umumnya atau Risalah AL-Fath khususnya, silalah maklumkan kepada mana-mana AJK Masjid. Sampai ketemu lagi di masa akan datang. Wassalam. ~**MSS***